

## KERATAN AKHBAR

TARIKH	: 9 MAC 2023
AKHBAR	: BERITA HARIAN
PAUTAN	: <a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1074421/323-hektar-tanah-untuk-miskin-tegar-b40-usaha-projek-fertigasi">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1074421/323-hektar-tanah-untuk-miskin-tegar-b40-usaha-projek-fertigasi</a>

### 323 hektar tanah untuk miskin tegar, B40 usaha projek fertigasi



KUALA LUMPUR: Tanah seluas kira-kira 323 hektar milik Kerajaan Persekutuan dikenal pasti untuk projek tanaman fertigasi bagi membantu miskin tegar dan kumpulan B40 menerusi Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR).

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata tanah itu akan dibangunkan melalui komponen Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) bertujuan meningkatkan pendapatan miskin tegar dan B40 serta mengurangkan kebergantungan kepada pengimportan bahan mentah.

Beliau berkata, selepas hampir dua minggu dilancarkan, IPR sudah merekodkan jumlah permohonan kira-kira 24,000 melalui tiga komponen diperkenalkan iaitu INTAN, Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN).

"Di peringkat permulaan, tumpuan diberikan kepada tanaman strategik seperti cili dan jagung. Selain itu, sejumlah kira-kira 800 ekar tanah Kerajaan Persekutuan telah dikenal pasti untuk dimanfaatkan bagi tujuan inisiatif ini.

"Sejak dilancarkan Kementerian Ekonomi menerima maklum balas dan sambutan menggalakkan yang mana penyertaan bertambah dari sehari ke sehari," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri (MQT) di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan R Yuneswaran (PH-Segamat) yang meminta Menteri Ekonomi menyatakan bagaimana IPR dapat membantu isi rumah B40 dan miskin tegar menjana pendapatan.

Pada masa sama Rafizi berkata, pihaknya mengunjurkan pendapatan diperoleh hasil jualan cili bagi setiap 0.2 hektar adalah sebanyak RM2,000 sebulan, dalam tempoh 24 bulan.

Beliau berkata, melalui INSAN pula, individu yang mahu mengusahakan mesin vending boleh menyewa peralatan itu dengan hanya membayar kadar sewaan dari RM700 hingga RM800 sebulan berbanding RM20,000 hingga RM30,000 bagi mendapatkannya sebelum ini.

Katanya, melalui IPR, kerajaan menyasarkan isi rumah untuk keluar dari kemiskinan bagi tempoh 24 bulan dalam menekankan miskin tegar di negara ini.

Rafizi berkata, kerajaan mahu membantu kumpulan sasar, bukan melalui bantuan tunai yang menyebabkan sindrom kebergantungan namun melalui program kelangsungan pendapatan.